

Manulife Shariah India Equity Fund

Pelbagaikan portfolio anda
dengan peluang pelaburan patuh
Syariah di India

🌐 manulifeinvestment.com.my

☎ (03) 2719 9271

Pelancaran dana ekuiti Islam bertumpukan India yang pertama di Malaysia

Mengapa melabur dalam ekuiti patuh Syariah di India sekarang?

Ciri-ciri strategi Dana

- *Pengecualian sektor kewangan* untuk mengelakkan kebimbangan timbul beban kewangan daripada proses mengurangkan kadar hutang.
- Manfaat daripada penyertaan dalam ekonomi luar bandar India yang sedang pantas berkembang, yang memacu pertumbuhan sektor.
- Kegigihan usaha India meningkatkan sektor pembuatan dalam keluaran dalam negara kasar (KDNK) dijangka membuka peluang bagi penggantian produk import dan peningkatan bahagian pasaran eksport negara tersebut.
- Memanfaatkan peluang pelaburan berasaskan penilaian dari bawah ke atas.

- Manulife Shariah India Equity Fund (“Dana”) ialah dana ekuiti Islam bertumpukan India pertama yang dilancarkan di Malaysia.
- Dana ini memberi peluang kepada anda untuk meluaskan dan mempelbagaikan pelaburan patuh Syariah anda dalam ekonomi India yang sedang pesat berkembang.
- Dana ini memberikan pendedahan langsung kepada pelaburan di pasaran Syariah India.

Peluang dalam sektor tertentu¹



Pengguna

- Pasaran pengguna kukuh
- Pertumbuhan penggunaan luar bandar



Teknologi

- Pemimpin dalam perkhidmatan IT luaran



Tenaga²

- Usaha membangunkan sektor tenaga boleh diperbaharui
- Tenaga bersih, termampu dan boleh dipercayai



Perindustrian

- Pendedahan kepada pengilangan peringkat bawahan
- Potensi penggantian import dan pembuatan tempatan
- Strategi China + 1



Hartanah

- Pembandaran



Penjagaan kesihatan³

- Pertumbuhan sektor farmaseutikal
- Penyedia ubat generik terbesar di dunia

Potensi dari segi demografi

Penduduk ⁴	: 1.380 bilion
Penarafan penduduk ⁴	: No 2, (17.70% penduduk dunia)
Luas kawasan, km persegi ⁴	: 2,973,190 km persegi
Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), US\$ ⁵	: US\$ 3.05 trilion
KDNK per kapita, US\$ ⁵	: US\$ 2,191
Umur median ⁶	: 28.4 tahun

¹ Sumber: Manulife Investment Management.

² India Brand Equity Foundation: Renewable Energy Industry in India, 4 Oktober 2021: <https://www.ibef.org/industry/renewable-energy.aspx>

³ India Brand Equity Foundation: Indian Pharmaceutical Industry, 4 Oktober 2021: <https://www.ibef.org/industry/pharmaceutical-india.aspx>

Untuk tujuan ilustrasi sahaja. Bukan senarai eksklusif untuk peluang pelaburan.

Sumber:

⁴ <https://www.worldometers.info/world-population/population-by-country/>. Setakat pada Disember 2020

⁵ https://en.wikipedia.org/wiki/Economy_of_India. Setakat pada April 2021.

⁶ <https://www.statista.com/statistics/254469/median-age-of-the-population-in-india/>. Setakat pada Disember 2020.

Inisiatif 'Make In India'⁷

Inisiatif ini dilaksanakan untuk memartabatkan negara ini sebagai hab perniagaan global yang memberi tumpuan membina infrastruktur fizikal secukupnya bagi syarikat-syarikat asing untuk membuka kemudahan pengilangan.

Sektor yang diberi tumpuan


- Automobil
- Komponen automobil
- Penerbangan
- Bioteknologi
- Bahan Kimia
- Pembinaan
- Pengilangan pertahanan
- Mesin elektrik
- Sistem elektronik
- Pemprosesan makanan
- Teknologi maklumat (IT) dan pengurusan proses perniagaan (BPM)
- Kulit
- Media dan hiburan
- Perlombongan
- Minyak dan gas
- Farmaseutikal
- Pelabuhan dan perkapalan
- Kereta api
- Tenaga boleh diperbaharui
- Jalan raya dan lebuh raya
- Angkasa
- Tekstil dan pakaian
- Kuasa terma
- Pelancongan dan layanan
- Kesejahteraan

⁷ Sumber: Make In India - <https://www.makeinindia.com/about>, <https://www.makeinindia.com/sectors>. Untuk tujuan ilustrasi sahaja. Bukan senarai eksklusif untuk peluang pelaburan.

Berpotensi menjadi kuasa pengilangan dunia yang akan datang

- Dipacu oleh upah yang kompetitif di peringkat global dan bekalan tenaga kerja muda yang tinggi.
- Destinasi pelaburan yang semakin mendapat perhatian dalam strategi China + 1 yang dilaksanakan oleh syarikat multinasional global.
- Projek-projek infrastruktur utama telah dilancarkan oleh kerajaan untuk mencapai daya saing pengeluaran dan mengurangkan kos logistik dan rantaian bekalan seperti *National Infrastructure Pipeline*, *Dedicated Freight Corridor Programme*, naik taraf infrastruktur pelabuhan dan koridor pengangkutan⁸.


Penarafan lokasi pengeluaran pilihan di luar China



Sumber: Credit Suisse Corporate Survey, Credit Suisse research, setakat pada Mac 2020.

⁸ Sumber: India Briefing from Dezan Shira & Associates, India's Connectivity Infrastructure: Tracking the Status of Keystone Projects, 10 Ogos 2021 - <https://www.india-briefing.com/news/indias-connectivity-infrastructure-projects-status-implementation-22883.html/>. Maklumat di atas mungkin mengandungi unjuran atau kenyataan tinjauan masa depan lain berkaitan kejadian masa depan, sasaran, disiplin pengurusan atau jangkaan lain. Tiada jaminan bahawa kejadian tersebut akan berlaku dan keadaan masa depan mungkin jauh berbeza daripada apa yang ditunjukkan di sini.

Prestasi Indeks: Syariah berbanding Konvensional



Sumber: Lipper IM untuk tempoh antara 31 Ogos 2011 – 31 Ogos 2021. Prestasi masa lepas tidak semestinya menunjukkan prestasi masa depan. Indeks Nifty 500 & NIFTY 500 Syariah digunakan untuk menunjukkan rangkaian Ekuiti India yang lebih luas dan tidak mewakili penanda aras Dana.

Prestasi sejarah dalam tempoh 10 tahun lepas

■ Indeks Nifty 500 Syariah TR ■ Indeks Nifty 500 TR

Maklumat penting dana

Nama dana	Manulife Shariah India Equity Fund (“Dana”)	
Pengurus	Manulife Investment Management (M) Berhad 200801033087 (834424-U)	
Kategori dana	Ekuiti (patuh Syariah)	
Mata wang asas	USD	
Kelas	Kelas A (RM) dan Kelas A (USD)	
Objektif pelaburan	Matlamat Dana ialah mencapai peningkatan modal dengan melabur dalam ekuiti patuh Syariah dan sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah syarikat-syarikat di pasaran India.	
Profil pelabur	Dana ini sesuai bagi pelabur yang: <ul style="list-style-type: none">• berusaha mencapai peningkatan modal;• memilih pelaburan patuh Syariah;• mempunyai tempoh pelaburan jangka panjang; dan• mahu mendapatkan pendedahan pelaburan dalam pasaran India.	
Dasar dan strategi pelaburan	Dana ini akan melabur sekurang-kurangnya 70% daripada nilai aset bersih (NAB) dalam portfolio terpelbagai ekuiti patuh Syariah dan sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah syarikat-syarikat berdomisil atau tersenarai di India atau mempunyai operasi penting* di India (sebagai contoh, syarikat yang mempunyai operasi penting* di India tetapi tersenarai di pasaran asing lain), manakala baki NAB Dana akan dilaburkan dalam tunai, instrumen pasaran wang Islam, akaun pelaburan am dan/atau deposit Islam. Dana boleh melabur dalam pelaburan-pelaburan ini secara langsung atau menerusi skim pelaburan bersama Islam.	
Penanda aras prestasi	Indeks Nifty Shariah 25 Nota: Penanda atas prestasi di atas hanya digunakan sebagai rujukan untuk tujuan perbandingan prestasi pelaburan. Profil risiko Dana tidak sama seperti profil risiko penanda aras prestasi. Maklumat penanda aras prestasi boleh didapati di www.manulifeinvestment.com.my .	
Harga tawaran awal	Kelas A (RM) Kelas A (USD)	RM0.5000 USD0.5000
Tempoh tawaran awal	Dua puluh satu (21) hari, dari 26 Oktober 2021 hingga 15 November 2021	
Caj jualan	Saluran pengedaran Penasihat institusi unit amanah (IUTA) Perunding unit amanah (UTC) Pengurus	Caj jualan Sehingga 5.00% daripada NAB seunit
Yuran pengurusan tahunan	Sehingga 1.80% daripada NAB Dana setahun yang dikira dan terakru setiap hari.	
Yuran pemegang amanah tahunan	0.06% setahun daripada NAB Dana (termasuk yuran penyimpanan tempatan, tetapi tidak termasuk yuran dan caj penyimpanan asing).	
Pelaburan awal minimum	Kelas A (RM) Kelas A (USD)	RM1,000.00 USD1,000.00
Pelaburan tambahan minimum	Kelas A (RM) Kelas A (USD)	RM100.00 USD100.00
Dasar pengagihan	Pengagihan pendapatan, jika ada, adalah mengikut keadaan. Nota: Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada prospektus dana.	
Tahun kewangan berakhir	31 Julai	
Tempoh bertenang	Tempoh bertenang hanya diguna pakai bagi mana-mana individu yang melabur buat kali pertama dalam mana-mana dana unit amanah yang diuruskan oleh pihak Pengurus dan tidak termasuk kakitangan Pengurus dan orang-orang yang berdaftar dengan badan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk berurusan dalam dana unit amanah. Anda berhak, dalam masa enam (6) Hari Perniagaan dari hari borang permohonan anda diterima oleh Pengurus, untuk meminta agar pelaburan anda ditarik balik.	

Penafian:

Maklumat di atas tidak disemak oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan tertakluk kepada amaran, penafian, kelayakan atau terma dan syarat yang dinyatakan di dalam ini. Pelabur dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan Prospektus Manulife Shariah India Equity Fund bertarikh 26 Oktober 2021 dan Prospektus Tambahan Pertama bertarikh 26 Oktober 2021 dan semua Lembaran Maklumat Penting Produk masing-masing (secara bersama dinamakan “Dokumen Tawaran”), yang boleh didapati di pejabat atau laman web kami, sebelum melabur. Dokumen Tawaran telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), bagaimanapun, pendaftaran dengan SC tidak bermaksud atau menunjukkan bahawa SC telah mengesahkan atau mengesahkan produk tersebut. Terdapat risiko yang terbabit dengan pelaburan dalam dana unit amanah; dana borong dan/atau Skim Persaraan Swasta. Antara risiko yang berkaitan dengan pelaburan dalam dana unit amanah; dana borong dan/atau Skim Persaraan Swasta ialah risiko turun naik kadar faedah, risiko tukaran asing atau mata wang, risiko negara, risiko politik, risiko kredit, risiko ketidakpatuhan, risiko pihak yang berurusan, risiko pengurus dana sasaran, risiko kecairan dan risiko kadar faedah. Untuk maklumat lanjut tentang profil risiko semua dana, sila rujuk kepada bahagian Faktor Risiko dalam Dokumen Tawaran. Harga unit dan pengagihan pendapatan mungkin turun atau naik. Pelabur hendaklah membandingkan dan mempertimbangkan yuran, caj dan kos yang terbabit. Pelabur dinasihatkan untuk menjalankan penilaian risiko sendiri dan berunding dengan penasihat profesional jika ragu-ragu tentang tindakan yang patut diambil.

Penanda aras Dana ialah Indeks Nifty Shariah 25 (“Indeks”) dan digunakan sebagai rujukan untuk tujuan perbandingan prestasi pelaburan. NSE INDICES LIMITED terlibat dalam perniagaan merangka, membina, mengumpul, mengira dan menyetujui pelbagai indeks ekuiti. Hubungan NSE INDICES LIMITED dengan Pengurus hanya berkaitan dengan hak yang diberikan untuk menggunakan tanda dagangan dan nama dagangan tertentu Indeks berhubung dengan penggunaan data yang berkaitan Indeks tersebut. Indeks ini ditetapkan, digubah dan dikira oleh NSE INDICES LIMITED tanpa kaitan dengan Pengurus. NSE INDICES LIMITED tiada kewajiban untuk mengambil kira keperluan Pengurus untuk menentukan, menyusun atau mengira Indeks. NSE INDICES LIMITED tidak menjamin ketepatan dan/atau kelengkapan Indeks atau sebarang data yang dimasukkan di dalamnya dan tidak menanggung liabiliti terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan atau gangguan di dalamnya. NSE INDICES LIMITED tidak membuat apa-apa jaminan sama ada tersurat atau tersirat mengenai keputusan yang diperolehi oleh Pengurus atau mana-mana orang atau entiti lain daripada penggunaan Indeks atau apa-apa data yang termasuk di dalamnya. NSE INDICES LIMITED tidak membuat jaminan secara tersurat atau tersirat, dan dengan nyata menafikan sebarang jaminan kebolegunaan atau kesesuaian untuk tujuan atau kegunaan tertentu berhubung dengan Indeks atau apa-apa data yang termasuk di dalamnya. Tanpa mengehadkan mana-mana daripada di atas, NSE INDICES LIMITED dengan nyata menolak sebarang dan semua liabiliti bagi apa-apa kerosakan atau kerugian yang timbul daripada penggunaan Indeks atau apa-apa data yang termasuk di dalam ini oleh mana-mana pihak ketiga, termasuk sebarang dan semua ganti rugi langsung, khas, punitif, tidak langsung atau turutan (termasuk kehilangan untung), walaupun sudah diberitahu tentang kemungkinan ganti rugi sedemikian.

Sekiranya terdapat sebarang pertikaian atau percanggahan yang timbul daripada terjemahan Bahasa Malaysia brosur ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.